

Lebih 100 rumah tenggelam

Sistem peparitan tidak sistematik antara punca banjir kilat

NURUL ZAILA MOHD TAHIR

KUALA KANGSAR – Tidak sampai setengah jam, lebih 100 rumah di beberapa kawasan sekitar daerah ini dilanda banjir kilat, malam kelmarin.

Antara kawasan yang terjejas teruk ialah Kampung Kolam Air, Taman Talang, Simpang Lawin dan beberapa lagi lokasi berhampiran.

Pelbagai faktor didakwa penduduk menjadi punca kepada masalah banjir di Kolam Air dan Taman Talang, antaranya sistem saliran serta per-

paritan tidak sistematik selain projek pembinaan yang sedang dibangunkan di kawasan sekitar.

Seorang penduduk, Ng Sai Peng, 58, berkata, masalah banjir kilat bukan perkara baru kepada mereka dan ia menjejaskan pendapatannya sebagai pemilik kilang rotan.

Menurutnya, setiap tahun dia kehilangan ribuan ringgit akibat banjir yang menyebabkan barangan kilangnya rosak.

“Boleh dikatakan setiap tahun, dua kali banjir akan berlaku tetapi kali ini adalah paling teruk dan saya mengalami kerugian kira-kira RM6,000.

“Pernah suatu ketika, kerugian dialami lebih teruk dan masalah ini timbul kerana pihak berwajib tidak menjalankan kerja pembersihan

longkang secara berkala menyebabkan ia tidak mampu menampung air,” katanya ketika sesi dialog bersama pemimpin, di Kolam Air di sini, semalam.

R Poongothai, 48, pula mendakwa rumahnya ditenggelami air sehingga paras pinggang berikutan projek pembinaan yang dijalankan Gamuda.

“Satu jam lebih air belum surut walaupun hujan sudah berhenti. Saya percaya banjir kilat ini berlaku kerana projek pembinaan yang sedang dijalankan dan kerana masalah ini, kami mengalami kerugian harta benda,” katanya.

Manakala, Pengerusi Parti Gerakan Cawangan Kolam Air, Goh An Leang berkata, ramai penduduk



Keadaan rumah seorang penduduk yang terjejas akibat banjir kilat, malam kelmarin.

merungut dan mengadu kepadanya mengenai masalah itu selain mengharapkan penyelesaian.

“Barang penduduk banyak rosak dan mereka tidak sempat menyelamatkan barang-barang kerana air naik

dengan cepat.

“Sebelum ini pernah berlaku banjir tetapi kali ini adalah yang terburuk,” katanya.

Hebahkan
aktiviti komuniti anda
hubungi Sinar Harian